

Abdul Samad Ismail Wartawan dan Pejuang Kesusasteraan

SYED OTHMAN SYED OMAR

ABSTRAK

A Samad Ismail merupakan tokoh wartawan terkenal yang telah melibatkan dirinya dalam bidang ini selama kira-kira lebih 50 tahun (1942-92) Sebagai wartawan Utusan Melayu dan lain-lainnya, beliau terlibat dalam pelbagai gerakan massa, termasuk gerakan anti penjajahan. Ruangan akhbar digunakan sebagai lidah untuk menyebarkan suara rakyat serta memainkan peranan seolah-olah sebagai sebuah parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan tanahair. Beliau juga seorang novelis dan sasterawan yang berjuang untuk memberi tempat yang sewajarnya kepada golongan sastrawan melalui akhbar Berita Harian di mana beliau adalah pemimpinya yang pertama. Semasa berkhidmat dengan Kumpulan The Straits Times Press pula, beliau memainkan peranan penting dalam pemindahan milik saham daripada syarikat asing kepada rakyat Malaysia.

ABSTRACT

As a well known Malaysian journalist, A. Samad Ismail devoted his entire life for approximately 50 years (1942-92) in journalism. Through the Malay media Utusan Melayu and others, he participated in the nationalist movement against colonialism. He used the media as a platform to disseminate his political ideals towards attaining independence. He has written novels and short stories, promoting the development of literature in the Malay daily Berita Harian where he was the first chief editor. While he was with the Straits Times, he was one of those responsible for the transfer of the shares from foreign owners into the Malaysian hands.

PENDAHULUAN

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan kesusasteraan Melayu moden seiring dengan perkembangan akhbar dan majalah. Sejak sebelum Perang Dunia Kedua sampai sekarang, perkembangan yang seiring itu masih berterusan. Oleh sebab akhbar dan majalah menjadi wadah menampung segala pemikiran sama ada dalam bentuk berita, rencana kritikan dan kreatif, maka profesyen kewartawanan menjadi sangat penting. Sehingga sebutan antara wartawan dengan penulis itu menjadi

sinonim. Misalnya, Abdul Rahim Kajai sebagai wartawan *Utusan Melayu* dan *Berita Malai* tidak dapat dipisahkan dengan Abdul Rahim Kajai sebagai penulis kreatif dalam genre cerpen. Demikian juga dengan Ishak Haji Muhammad sebagai wartawan *Berita Malai* tidak dapat dipisahkan dengan Ishak Haji Muhamad sebagai penulis cerpen dan novel. Malah lebih dari itu, misalnya Haji Ahmad bin Ismail yang menerbitkan majalah *Al-Hidayah* dan *Al-Hikmah*, beliau bukan saja seorang wartawan, tetapi juga penerbit, tuan punya syarikat penerbitan dan penulis kreatif dalam genre cerpen dan novel. Hal yang sama dapat dilihat juga kepada Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi dan Ahmad bin Muhammad Rasyid Talu; mereka adalah wartawan/editor kepada beberapa majalah, tetapi juga penulis novel yang terkenal.

Ini mudah difahami, sebab seseorang yang menceburkan dirinya ke dalam profesyen kewartawanan, terutama sebelum perang, ialah juga seorang penulis dalam pelbagai bidang. Dan sekaligus pula mereka adalah juga para intelektual, pejuang kesusasteraan, bahasa dan nasionalis. Contoh ini dapat dilihat kepada Ibrahim Haji Yaakub, Ishak Haji Muhammad, Abdul Rahim Kajai dan Abdul Samad Ismail (kemudian dieja A. Samad Ismail). Mereka ini meneruskan perjuangan sehingga selepas perang, kecuali Abdul Rahim Kajai yang meninggal dunia dalam masa Jepun, melalui akhbar dan majalah. Mereka menyarankan segala perjuangan melalui akhbar dan majalah. Sebagai intelektual Melayu, mereka memberi kesedaran kepada bangsa Melayu untuk merebut kemerdekaan. Pertumbuhan nasionalisme Melayu wujud bersama-sama pertumbuhan akhbar dan majalah. Kerana itu segala kajian terhadap pertumbuhan nasionalisme, intelektualisme dan perjuangan terhadap mendaulatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu, haruslah dilihat kepada pertumbuhan dan perkembangan akhbar dan majalah. Ia amat rapat dengan dunia kewartawanan. Untuk melihat perkembangan intelektualisma, nasionalisme dan perjuangan mendaulatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu, kita memilih A. Samad Ismail, yang dilahirkan di Singapura pada 18 April 1924.

KEGIATAN A. SAMAD ISMAIL

SEBELUM DAN SEMASA PENDUDUKAN JEPUN DI SINGAPURA

Sepanjang lebih 50 tahun (1942-1992) penglibatannya sebagai wartawan, intelektual, nasionalis dan pejuang bahasa dan kesusasteraan Melayu, A. Samad Ismail telah menghasilkan 11 buah novel, 2 buah antologi cerpen, 4 buah buku berhubung dengan penulisan dan kewartawanan, ribuan rencana dalam Bahasa Melayu dan Inggeris mengenai pelbagai masalah bahasa, kesusasteraan, kebudayaan, politik ekonomi, masyarakat, polemik, kritikan, bimbingan, kecaman saranan dan sebagainya.

Sejak tahun 1940, dalam usia 16 tahun, A. Samad Ismail telah menceburkan dirinya dalam dunia kewartawanan, bermula dengan menjadi Pemberita di *Utusan Melayu*; kemudian menjadi penolong Editor. Apabila Jepun menduduki Tanah Melayu, A. Samad Ismail menjadi wartawan akhbar Jepun, *Berita Malai*, di bawah Abdul Rahim Kajai. Dalam waktu yang sama beliau menulis juga di dalam *Semangat Asia*, sebuah majalah di bawah ri'ayah Jepun. Dalam majalah ini A. Samad Ismail telah menulis cerpen-cerpen simbolik yang merangsangkan semangat orang Melayu. Tahun 1944 A. Samad Ismail menjadi Pengarang *Berita Malai* apabila Abdul Rahim Kajai meninggal dunia pada akhir tahun 1943, dan Ishak Haji Muhammad bertolak ke Bintan (Riau) kerana mengetuai satu projek pertanian.

Dalam zaman Jepun ini, A. Samad Ismail bersama-sama rakannya seperti Ishak Haji Muhammad (yang digelar Isakosan), Abdullah Kamil, Zuhara, Taharuddin A. dan Nazri Zainuddin, telah menulis cerpen dalam *Semangat Asia*. Sekurang-kurangnya tiga buah cerpen A. Samad Ismail dalam majalah ini, iaitu "Seorang Pengail" (*Semangat Asia* II (2), Feb. 1944), "Ubi Kayu" (*Semangat Asia* II (3), Mac 1944) dan "Ke Bintan To" (*Semangat Asia* II (4) April 1944). Melalui cerpen "Seorang Pengail" A. Samad Ismail telah menyarankan sifat ketabahan itu amat perlu dimiliki oleh setiap orang terutama dalam zaman kesusahan. Di bawah tajuk ini diberikan sedikit keterangan tentang pengail dengan kata-kata: "Dialah raja walaupun tidak ada istana dan taman. Ia miskin tetapi kaya pada serba serbinya." A. Samad Ismail menggambarkan kebimbangan seorang pemuda terhadap sikap Jepun yang memaksa menabung pendapatan, sedangkan pemuda itu kekurangan dalam segala-galanya. Tetapi kemudian pemuda itu beroleh ketenangan setelah bertemu seorang pengail, Pak Kemat, yang menanamkan dalam dirinya falsafah hidup tentang cekal, yakin dan sabar. Falsafah itu dipegang oleh pemuda itu; dan falsafah inilah disarankan oleh A. Samad Ismail kepada setiap rakyat untuk hidup dalam zaman Jepun.

Melalui cerpen "Ubi Kayu" pula A. Samad Ismail secara sinis mengejek wang kertas Jepun kalau dibandingkan dengan ubi kayu, iaitu sejenis makanan yang paling popular waktu itu. Bersama dengan judul cerpen ini diberi keterangan dengan kata-kata: "Hidup di ladang lebih makmur daripada hidup di pekan." Gambaran ini memberi makna bahawa rakyat yang hidup di Singapura, sebuah pekan atau bandar terpaksa menghadapi penderitaan. Tetapi kalau mereka pindah ke desa dan mengusahakan tanah untuk pertanian, tentu saja dapat hidup dengan selesa. Kelanjutan dari saranannya itu diteruskan dalam cerpen "Ke Bintan To" yang secara terang-terang menyeru rakyat supaya berpindah ke pulau Bintan (Riau) untuk mengusahakan tanah pertanian. Dua cerpen yang kemudian ini secara sinis menyarankan bahawa hidup zaman Jepun terpaksa makan ubi kayu kerana tidak cukup beras.

Kerana itu lebih baik pindah saja ke mana-mana untuk mencari kehidupan yang lebih selesa.

A. Samad Ismail juga menulis puisi, yang disebut sajak waktu itu. Tetapi nyata sajaknya menimbulkan kekeliruan fahaman oleh Jepun dan menyebabkan A. Samad Ismail mengurangkan minatnya dalam genre itu (Ali Salim 1987,69). Bagaimanapun, dalam zaman kemudiannya, beliau telah menjadi pembela dan pengasuh serta mempertahankan ruangan sastra di akhbar *Utusan Zaman* dan *Mestika* yang menyebabkan wujudnya beberapa orang tokoh puisi dan cerpenis yang terkenal. Melalui penanya yang tajam dan maknanya yang simbolik, A. Samad Ismail telah menulis begitu banyak dalam *Berita Malai* yang dipimpinnya. Kegiatannya itu berterusan sehingga Jepun menyerah kalah dalam tahun 1945.

SELEPAS PERANG, DI SINGAPURA

Penglibatan A. Samad Ismail sebagai Pengarang *Berita Malai* waktu pendudukan Jepun memberi kesan yang negatif ke atas kebebasannya bila Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu, tahun 1945. A. Samad Ismail ditahan oleh pihak British selama beberapa bulan kerana dituduh bekerjasama dengan Jepun dan bersikap anti-British. Sebenarnya A. Samad Ismail, seperti juga kawan-kawannya yang lain seperti Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhamad, adalah nasionalis Melayu yang bukan saja anti-British tetapi juga anti-Jepun. Tetapi untuk meneruskan perjuangan, A. Samad Ismail, seperti orang lain juga, terpaksa bekerjasama dengan Jepun untuk faedah pergerakan itu. Misalnya, dalam zaman Jepun, A. Samad Ismail banyak sekali bekerjasama dengan Indonesia, tolong menyeludupkan sesuatu yang berguna untuk perjuangan Indonesia, dalam revolusinya yang terkenal itu. Ini diakui oleh Leftenan Genaral Rais Abin, Duta Besar Indonesia pada suatu masa (Hamidah bte Haji Hassan 1987,1-4). A. Samad Ismail terlibat secara langsung dalam gerakan secara organisasi.

Setelah keluar dari tahanan itu A. Samad Ismail masuk lagi bertugas sebagai wartawan di *Utusan Melayu* dan kemudian dalam tahun 1946 menjadi Penolong Pengarang. Dalam akhbar ini A. Samad Ismail telah memainkan peranan yang sangat penting. Beliau mengambil peranan penting melalui tulisannya membela kebenaran dalam peristiwa Natrah yang mencetuskan rusuhan itu. Ketajaman tulisannya menggambarkan beliau seorang intelektual yang sukar ditandingi yang boleh pula menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris sekaligus. A. Samad Ismail bukan saja bertanggungjawab kepada *editorial Utusan Melayu*, tetapi juga sebagai penterjemah, penghubung antara pekerja dengan majikan dan menjadi pelayan kepada pelawat, kerana kebanyakan pelawat ke *Utusan*

Melayu selalunya akan mencari A. Samad Ismail. Dan waktu inilah juga ASAS '50 ditubuhkan, dan beliau salah seorang pengasasnya.

Kegiatan A. Samad Ismail sebagai intelektual dan nasionalis, menyebabkan beliau banyak kenalan dari kalangan politik kiri. Kerana itu dalam tahun 1951-1953 A. Samad Ismail ditahan sekali lagi oleh British di bawah Undang-Undang Darurat. Turut bersama-sama ditahan ialah J.J. Putucheary dan Devan Nair, kawan satu sekolah, juga John Eber dan P.V. Sharma. Setelah keluar dari tahanan dalam tahun 1953, A. Samad Ismail dilantik sebagai Timbalan Pengarang *Utusan Melayu*, sementara Ketua Pengarangnya ialah Yusuf Ishak.

Semasa menjadi Timbalan Pengarang ini, A. Samad Ismail terlibat dalam perang pena dengan Alex Josey, seorang wartawan British dan bekas Pengarah Penerangan di Persekutuan Tanah Melayu. Alex Josey menidakkan kemungkinan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu. A. Samad Ismail telah mengecam Alex Josey bukan sahaja melalui rencana pengarang dalam *Utusan Zaman* dan *Utusan Melayu*, tetapi juga melalui akhbar *Singapore Standard* (Syed Husin Ali 1987,48). Ada setengah rencana dalam *Utusan Zaman* dan *Utusan Melayu* diterjemahkan sendiri oleh A. Samad ke dalam bahasa Inggeris dan terus dihantar kepada Alex Josey. Menurut Prof. Dr. Syed Husin Ali bahawa perjuangan bahasa yang dilakukan oleh A. Samad Ismail dalam tahun 1950-an itu adalah terkedepan dari zamannya; apa yang orang lain perkatakan tentang Bahasa Melayu sebagai bahasa kemunikasi dan bahasa penyatuan sekarang, sebenarnya sudah diperkatakan oleh A. Samad Ismail (Syed Husin Ali 1987, 48). Dan baginya bahawa A. Samad Ismail itu adalah seorang yang *brilliance* dan *genuine nationalist* (Syed Husin Ali 1987, 46-47).

Bahkan dalam masa A. Samad Ismail dalam tahanan (1951-1953) beliau banyak sekali menulis sama ada rencana politik, bahasa dan kesusasteraan. Beliau menulis dalam pelbagai nama pena, tetapi yang banyak digunakan ialah nama pena "Asmal" dan "Orang Sekijang". Waktu inilah juga "Asmal" menulis cerpennya "Ingin Jadi Pujangga" (Asmal 1961, 24-41) sebagai sindiran kepada penulis baru yang tidak cukup persediaan. Sebagai seorang intelek A. Samad Ismail banyak terlibat dalam pelbagai gerakan massa. Sekitar tahun 1955-1956 A. Samad Ismail memberi sokongan kepada kegiatan pelajar Universiti Malaya di Singapura, terutama dalam pertubuhan Bahasa Melayu, beliau juga adalah Timbalan Pengerusi Kongres Bahasa yang ketiga. Sebelumnya, iaitu tahun 1954, A. Samad Ismail bersama-sama Lee Kuan Yew, Devan Nair, Goh Keng Swee dan S. Rajaratnam telah menubuhkan Parti Tindakan Rakyat (Petir); walaupun kemudiannya beliau terpisah dari kawan-kawannya itu dan tidak pernah pula menjadi anggota secara rasmi parti yang ditubuhkannya. Beliau juga menjadi Yang DiPertuan Persatuan Melayu Singapura; Timbalan Presiden

Majlis Melayu Singapura; Jawatankuasa Palang Merah dan jawatankuasa kepada beberapa buah Kesatuan Sekerja.

Kegiatannya yang berbagai macam ini adalah direfleksikan oleh keintelektualannya dalam pelbagai ilmu dan pemikirannya yang tajam. A. Samad Ismail bukan saja berkenalan dan berkawan baik dengan tokoh-tokoh intelektual tempatan, tetapi juga dari luar negeri (James Mitchener 1951, 100-102). Kerana itu secara lumrah, A. Samad Ismail banyak musuh, sama ada dari dalam dan luar. Ini dibuktikan dengan cara untuk menyingkirkannya dari *Utusan Melayu* oleh Yusuf Ishak sendiri. Sebenarnya pertentangan secara prinsip ini sudah lama berlaku antara A. Samad Ismail dengan Yusuf Ishak. Misalnya dalam mewujudkan ruangan kesusasteraan dalam *Utusan Zaman* dan *Mestika*, Yusuf Ishak tidak menerimanya; malah bagi Yusuf Ishak bahawa "sajak" itu tidak mendatangkan wang, dan ia bukan berita (Usman Awang 1987, 24-25; Alim Salim 1987, 67). Tetapi A. Samad Ismail telah memperjuangkan ruangan itu dan terus menjadi pemimpinnya. Melalui ruangan inilah Usman Awang, Asraf, Awam II-Serkam dan penulis-penulis seluruh tanah air dapat mempertajamkan persepsi kreatifnya. A. Samad Ismail inilah yang mempelopori ruangan seksu kesusasteraan dalam *Utusan Zaman* dan *Mestika* itu, yang menyuburkan Karya ASAS '50.

Sebab itu dalam tahun 1957, A. Samad Ismail "dibuang negeri" oleh Yusuf Ishak, iaitu dengan menghantarnya ke Jakarta sebagai wakil *Utusan Melayu* di sana. Dalam waktu yang singkat ini A. Samad Ismail mengeratkan lagi hubungannya dengan Adam Malik sebagai pelopor. Tetapi tidak lama kemudiannya, A. Samad Ismail pulang ke Singapura dan berhenti dari *Utusan Melayu*. Dalam tahun 1958, A. Samad Ismail menjadi ahli UMNO dan dipilih sebagai Pengerusi Tetap UMNO Singapura. Dalam tahun itu juga, A. Samad Ismail ditawarkan untuk memimpin akhbar harian *Berita Harian*, edisi Bahasa Melayu dari *The Straits Times*, sebagai Penyunting Kanan. Melalui akhbar baru berbahasa Melayu ini A. Samad Ismail yang berpengalaman luas dalam kewartawanan dan mempunyai peribadi sebagai seorang intelektual, telah menjadikan *Berita Harian* sebagai sebuah akhbar harian yang terkenal, sehingga akhbar ini dipindahkan ke Kuala Lumpur.

SELEPAS MERDEKA, DI KUALA LUMPUR

Tahun 1959 akhbar *Berita Harian* dipindahkan ke Kuala Lumpur. A. Samad Ismail terpaksa berpindah bersama-sama akhbar itu kerana beliau dilantik sebagai Pengarangnya yang pertama. *Berita Harian* pada mula-mulanya merupakan edisi Bahasa Melayu dari *The Straits Times*,

tetapi bila berada di Kuala Lumpur dan dipimpin oleh A. Samad Ismail, *Berita Harian* mulai mengisikan berita, rencaran dan *editorial* secara berasingan. Kemudian dalam lebih kurang setahun, *Berita Harian* telah benar-benar bebas dari induknya dan telah menjelma menjadi sebuah akhbar harian yang besar, bertanding dengan *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia*. A. Samad Ismail bukan saja memimpin *Berita Harian* dan *Berita Minggu*, tetapi telah bertindak sebagai "guru" kepada calon-calon pemberita dan calon penulis. Beliau telah mengembara ke utara, selatan dan pantai timur untuk menghadiri bengkel-bengkel penulisan yang dianjurkan oleh badan-badan penulis tempatan dan lazimnya dengan kerjasama *Berita Harian*. A. Samad Ismail banyak mencurahkan idea kepada penulis-penulis muda dan ramai di antara mereka yang akhirnya muncul sebagai penulis dan pemberita yang berjaya.

Kegiatan A. Samad Ismail amat menonjol dalam 1960-an, terutama ketika Persatuan Penulis Nasional (Pena) ditubuhkan pada tahun 1961. A. Samad Ismail adalah salah seorang penaja Pena bersama-sama Prof. Dr. Syed Husin Ali. Dalam dekad inilah kesuburan karya A. Samad Ismail, terutama di dalam genre novel. Peristiwa perjuangan Bahasa Kebangsaan yang memuncak dalam tahun 1967 telah dirakamkannya dalam *Kail Panjang Sejengkal*, iaitu sebuah novel yang kemudiannya diberi Hadiah Penulisan Novel Terbaik oleh sebuah Persatuan Penulis Singapura dalam tahun 1968. Sebelum ini, A. Samad Ismail telah menulis beberapa buah novel merakamkan pengalamannya sebelum dan semasa pendudukan Jepun, terutama pengalaman dalam penjara dan dalam dunia persuratkhabaran. Ini boleh dilihat dalam novelnya *Tembok Tidak Tinggi* dan *Patah Sayap Terbang Jua*.

Perjuangan A. Samad Ismail yang paling bererti dan paling agung dalam cita-citanya sebagai intelektual dan nasionalis ialah dalam tahun 1972. A. Samad Ismail menjadi *mastermind* kepada satu gerakan untuk memindahkan Syarikat Straits Times seluruhnya supaya dimiliki oleh rakyat Malaysia bukan bergantung kepada induknya di Singapura. A. Samad Ismail menganjurkan kerja *go-slow* dan ini mendapat sokongan dari beberapa orang tokoh politik Malaysia.

Akhirnya usaha A. Samad Ismail ini berjaya meng*coup d'tat* syarikat ini, apabila Tun Razak, Perdana Menteri, dan Tengku Razaleigh Hamzah, mengarahkan pemindahan modal dan milik syarikat ini ke Malaysia. Atas jasa A. Samad Ismail yang telah berusaha untuk memalaysiakan syarikat ini, pada tahun 1974 beliau dilantik sebagai Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times (nama syarikat awal itu telah diubah), suatu jawatan yang sangat penting dalam mengawal semua berita, rencana dan pemikiran dalam syarikat akhbar yang besar ini.

Kegiatan A. Samad Ismail dalam dunia bahasa dan kesusasteraan Melayu, terutama melalui *Berita Harian* dan *Berita Minggu*, begitu ketara terutama dalam perjuangan mendaulatkan bahasa. Ruangan dalam

akhbar-akhbar ini dibuka luas kepada penulis-penulis tanah air. Bila Tun Razak mewujudkan Hadiah Sastera Negara tahun 1971, A. Samad Ismail dilantik menjadi salah seorang Penal Hakim, sehingga tahun 1976, apabila Hadiah Sastera itu dihentikan oleh Tun Hussein Onn yang menjadi Perdana Menteri. Dalam semua perbincangan untuk menentukan carpen, sajak novel dan rencana yang akan diberikan hadiah, A. Samad Ismail mengambil bahagian yang cergas dan menyumbangkan fikirannya yang bernas. Dalam waktu yang sama juga A. Samad Ismail banyak menulis tentang politik dan masyarakat. Mengenangkan jasanya yang besar dalam dunia bahasa dan kesusasteraan Melayu, tahun 1976, A. Samad Ismail dianugerahkan Hadiah Pejuang Sastera Malaysia dan wang sepuluh ribu ringgit (bersama-sama lima tokoh lain iaitu Ishak Haji Muhammad, Kamaluddin Muhammad, Usman Awang, A. Samad Said dan Shahnon Ahmad) oleh kerajaan Malaysia.

Tetapi malang bagi A. Samad Ismail, selepas beberapa bulan beliau menerima anugerah Pejuang Sastera Malaysia itu, beliau telah ditahan oleh kerajaan Malaysia juga (bersama-sama Datuk Abdullah Ahmad, seorang menteri, dan Abdullah Majid, Timbalan Menteri). A. Samad Ismail dituduh sebagai Komunis dan telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, oleh Tan Seri Ghazali Shafie, Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Dalam tahun itu juga Tun Razak meninggal dunia.

Tahun 1981 A. Samad Ismail dibebaskan dari tahanan. Beliau masuk bekerja di akhbar *The Star*. Tetapi tidak lama kemudian beliau dijemput untuk kembali kepada Syarikat The New Straits Times yang justeru itu di bawah Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia. Kali ini A. Samad Ismail telah menjawat jawatan yang paling tinggi, iaitu Penasihat Pengarang (Editorial Adviser) kepada kumpulan The New Straits Times, satu jawatan yang meletakkan beliau sebagai seorang tokoh wartawan dan intelek yang amat penting dalam menerajui sebuah kumpulan akhbar yang terbesar. Jawatan itu berkekalan sehingga beliau bersara dalam tahun 1988.

KESIMPULAN

Demikianlah perjuangan A. Samad Ismail sebagai pejuang bahasa dan kesusasteraan Melayu sepanjang lebih 50 tahun. Beliau bukan saja dikenal sebagai wartawan, tetapi seorang nasionalis tulen, intelektual yang tajam pemikirannya, aktivis kesatuan sekerja, ahli politik dan penulis kreatif yang terkenal. Sebagai wartawan, A. Samad Ismail telah menjawat jawatan bermula dari pemberita dalam *Utusan Melayu*, Pengarang (editor) dalam *Berita Malai* dalam zaman pendudukan Jepun, Penolong Pengarang, Timbalan Pengarang, Penyunting Kanan, Penga-

rang Urusan Kumpulan dan akhirnya Penasihat Pengarang Kumpulan, dalam akhbar yang berlainan.

Sebagai nasionalis A. Samad Ismail terlibat dalam perjuangan awal bersama-sama Ibrahim Yaakub, Ishak Haji Muhammad dan Dr. Burhanuddin al-Hilmy. Juga berhubung rapat dengan tokoh-tokoh politik Indonesia semasa revolusi 1945, dan bertukar-tukar fikiran dengan tokoh-tokoh politik dunia. Dalam mencapai kemerdekaan, A. Samad Ismail termasuk dalam rombongan merdeka ke London pada tahun 1956. Terlibat dalam peristiwa Natrah dalam tahun 1950-an. Ditahan beberapa kali atas kegiatannya anti-kolonial dan dituduh bersubahat. Tetapi dalam waktu yang sama, A. Samad Ismail menghasilkan buku-buku yang berguna dan mencipta karya kreatif dalam genre cerpen dan novel. Kamaludin Muhammad (Keris Mas), Sasterawan Negara yang pertama, menganggap A. Samad Ismail sebagai "manusia luar biasa, wartawan yang *brilliant*, penulis yang sensitif, ahli politik yang dinamik, pemikir yang serius dan sahabat yang jujur" (Kamaludin Muhammad 1987, 31).

Nama A. Samad Ismail sebagai intelektual Asia, yang memperjuangkan cita-cita nasionalisme Melayu melalui persuratkhabaran sejak 1940 sampai saat persaraannya (1988) tidak dapat dipisahkan dari sejarah perkembangan kesusasteraan dan Bahasa Melayu. Beliau menjadi *Mentor* dan *main catalyst* kepada ASAS '50 walaupun beliau tidak pernah menjadi ahli secara rasmi. Sebab, beliau adalah yang membuka dan mempertahankan ruangan kesusasteraan di *Utusan Melayu/Utusan Zaman* dan *Mestika* ketika pihak yang lebih berautoriti mahu menghapuskannya. Ruangan kesusasteraan itu terus dibuka dengan luasnya ketika beliau berkuasa di *Berita Harian* dan *Berita Minggu* dengan memberikan peluang kepada penulis-penulis tanah air memperkembangkan bakatnya. Dalam saat orang Melayu perlukan sebuah universiti kebangsaan yang memperjuangkan cita-cita Bahasa Melayu, melalui *Berita Harian* dan *Berita Minggu*, A. Samad Ismail telah menulis rencana-rencana sokongan yang kuat. Ketika Jawatankuasa Penubuhan Universiti Kebangsaan dibentuk, A. Samad Ismail menjadi Timbalan Pengerusi (Pengerusinya Syed Nasir Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka). Dan kemudiannya Universiti Kebangsaan Malaysia telah wujud menjadi kenyataan.

Itulah A. Samad Ismail, seorang wartawan yang pintar, intelektual yang tajam pemikirannya, nasionalis tulen, pejuang bahasa dan kesusasteraan Melayu, Penulis kreatif yang giat, pembimbing kepada calon penulis dan wartawan, pengasas beberapa pertubuhan penulis dan parti politik dan lebih dari segala-galanya ialah seorang Melayu yang perjuangannya sangat kompleks, yang tidak dapat dilupakan dari sejarah perkembangan keintelektualan negara ini.

Lampiran

Biodata

Calon Ijazah Kehormatan Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia 1987

1. Nama : Abdul Samad Bin Ismail
2. Tarikh dan Tempat Lahir : 18 April 1924 di Singapura.
3. Pekerjaan : Penasihat Pengarang, Kumpulan The New Straits Times.
4. Pendidikan : Lulus Senior Cambridge Certificate di Victoria School - 1940
5. Pengalaman Semasa di Singapura
 - 1940 : Wartawan di Utusan Melayu (dalam usia 16 tahun).
 - 1942-1943 : Wartawan Berita Malai (di bawah Abdul Rahim Kajai)
 - 1944 : Pengarang Berita Malai (setelah Abdul Rahim Kajai meninggal dunia).
 - 1945 : Ditahan oleh British selama 6 bulan kerana dianggap anti-British dan bekerjasama dengan Jepun.
 - 1946 : Penolong Pengarang di Utusan Melayu.
 - 1951-1953 : Ditahan oleh British di bawah Undang-Undang Darurat, bersama-sama John Eber, P.V. Sharma, J.J. Putucheary dan Devan Nair.
 - 1953 : Setelah keluar dari tahanan dilantik menjadi Timbalan Pengarang Utusan Melayu (Ketua Pengarangnya ialah Yusuf Ishak).
 - 1954 : Menubuhkan Parti Tindakan Rakyat (PAP) bersama-sama Lee Kuan Yew, Devan Nair, Goh Keng Swee dan S. Rajaratnam.
 - 1957 : Menjadi wakil Utusan Melayu di Jakarta, yang dianggap oleh kebanyakan kawannya sebagai cara "buang negeri" oleh Yusuf Ishak.
 - 1958 : Menjadi anggota UMNO, dan dilantik/dipilih sebagai Pengerusi Tetap UMNO;
Penyunting Kanan di Berita Harian, edisi Bahasa Melayu dari The Straits Times;
Menjadi Yang Di Pertua Persatuan Melayu Singapura;
Timbalan Persiden Majlis Melayu Singapura;
Anggota Tetap Lembaga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga;

Jawatankuasa Palang Merah;
Jawatankuasa beberapa buah Trade Union.

6. Pengalaman Semasa di Kuala Lumpur

- 1959 : Pengarang pertama Berita Harian yang dipindahkan ke Kuala Lumpur.
- 1961 : Menubuhkan Persatuan Penulis Nasional (Pena), bersama-sama Syed Husin Ali.
- 1968 : Mendapat Penghargaan Penulis Novel Terbaik dengan novelnya *Kail Panjang Sejengkal* (1967) dari Persatuan Penulis Singapura.
- 1974 : Dilantik menjadi Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times.
- 1971-1976 : Menjadi Hakim Panel Hadiah Sastera Kerajaan.
- 1976 : Dianugerahkan Hadiah Pejuang Sastera Malaysia oleh kerajaan Malaysia (bersama-sama Ishak Haji Muhammad, Kamaludin Muhammad, Usman Awang, A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad).
- 1976-1981 : Ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) oleh kerajaan Malaysia, kerana dianggap bekerjasama dengan komunis.
- 1981 : Menjadi Penasihat Pengarang Kumpulan The New Straits Times.

7. Karya-karya Abdul Samad Ismail:

A) Novel

1. *Patah Sayap Terbang Jua*. Kuala Lumpur: Penerbitan Setia Murni, 1966.
2. *Tembok Tidak Tinggi*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1967.
3. *Kail Panjang Sejengkal*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1967.
4. *Orang Jauh*. Kuala Lumpur: Penerbitan Setia Murni, 1967.
5. *Hud*. Kuala Lumpur: Pustaka Gunung Tahan, 1967.
6. *Orang Lama*. Kluang: Pustaka Pendidikan, 1967.
7. *Menimba Yang Jernih*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1968.
8. *Menduga Lautan Dalam*. Kluang: Pustaka Pendidikan, 1968.
9. *Detik-Detik Yang Cemas*. Singapura: Pustaka Nasional, 1969.
10. *Hussein Zet*. Kluang. Pustaka Pendidikan, 1970.
11. *Sutinah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, 1975.

B) Antologi Cerpen

1. *Mastura*. Kuala Lumpur: Pustaka Gunung Tahan, 1967.
2. *Temasya Tinta*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1967.

C) Buku Umum

1. *Kursus Pengerusi*. Singapura: Geliga Ltd. 1958.
2. *Mengasah Bakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1966.
3. *Kursus Wartawan*. Melaka. Abbas Bandung, 1966.
4. *Bimbingan Penulis*. Kuala Lumpur: Pen. Federal, 1967.

D) Antologi Cerpen Bersama

1. *Mekar dan Segar*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1959.
2. *Pertentangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.

E) Sebahagian Rencana dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris

1. Memperkatakan Novel Sepintas Lalu, *Dewan Bahasa*, Jld. 1, Bil. 1, September 1957, hal. 44-50.
2. Menyatupadukan Serta Memperjuangkan Kepentingan dan Kebajikan Penulis-Penulis, *Berita Minggu*, Ahad, 12 Februari 1961.
3. Beberapa Soal Isi Novel, *Utusan Zaman*, Ahad, 11 November 1962.
4. Beberapa Soal Isi Novel, *Utusan Zaman*, Ahad, 18 November 1962.
5. Sex Boleh Ditulis Seandainya Kalau..., *Berita Minggu*, Ahad, 28 Julai 1963.
6. Sasterawan Melayu Dalam Masa 20 Tahun, *Berita Minggu*, Ahad, 28 Julai 1963.
7. Pokok Persoalan (Tema) Pada Cerpen, *Mingguan Malaysia*, Ahad, 17 Mac 1968.
8. Penulis-Penulis Muda: Masalah Melatih dan Memupuk Bakat, *Dewan Masyarakat*, Jil. 7. Bil. 7, 15 Julai 1969, hal. 41-43.
9. Karakter Harus Disarankan, Bukan Dipaksa-paksa, *Berita Minggu*, Ahad, 8 Disember 1974.
10. Pembaca Tak Mahu Diajar Cara Melahir Emosinya, *Berita Minggu*, Ahad, 8 Disember 1974.
11. The Future of the Malay Language, *The Singapore Standard*, 6 May 1953.
12. The Merdeka Mission, *Fajar*, No. 28, 15 Mac 1956.
13. Unruffled UMNO...Where Placidity Pays Off, *The Straits Times*, 27 August 1962.
14. Willo' wisp Campaign, *The Straits Time*, 11 April, 1964.

15. The Battle for Kelantan, *The Straits Times*, 15 April 1964.
16. The Stakes Are High, The Actics Desperate, *The Straits Times*, 16 April 1964.
17. The Ghost of Awang Bonchis Joins The Hustings, *The Straits Times*, 18 April, 1964.
18. Shadowed by A Political Past, *The Straits Times*, 16 May 1964.
19. Two Men and A Problem of 100,000 Homes, *The Straits Times*, 23 May 1964.
20. Strangers in the Gallary, *The Straits Times*, 1 August 1964.
21. The Well-Off Farmer Who Became A Barber To Survive, *The Straits Times*, 12 November 1964.
22. The Friends Malaysia has, *The Straits Times*, 3 December 1964.
23. Macapagal: "Poor boy" in the place, *The Straits Times*, 23 December 1964.
24. A sharpshooter aims at the highest target, *The Straits Times*.
25. With the Seventh Fleet in a hot spot, *The Straits Times*, 30 December 1964.
26. The floting city with a lethal task, *The Straits Times*, 31 December 1964.
27. Why UMNO said "No" to the Welfare State move, *The Straits Times*, 2 August, 1966.
28. PMIP may be trying to bite off too much, *The New Straits Times*, 11 April 1969.
29. In Kelantan the rakyat keeps his secret, *The Straits Times*, 8 May 1969.
30. Tok Sheikh, the patriarch of Perlis, *The Straits Times*, 15 April 1969.
31. Learning the secret of the rakyat, *The Straits Times*, 13 May 1969.
32. Where Awang is a Chinese and initiave is Kelantanese carving a home in the jungle, *The Straits Times*, 16 August 1969.
33. Kelantan's big task-to search for more capital, *The Straits Times*, 21 August 1969.
34. Overwhelmingly agricultural Terengganu's hope lies in the lush green hills, *The Straits Times*, 23 August 1969.
35. Dr. Burhanuddin: From leader of the left to top man in PMIP, *The Straits Times*, 27 October 1969.
36. Down among the sawahs in the Province, *The Straits Times*, 7 November 1969.
37. Under Belgrade's smiling sun, *The Straits Times*, 29 August 1970.
38. Tun Abdul Razak - the peasant aristocrat, *The Sunday Times*, 19 September 1971.
39. From three years in the wilderness, *The Straits Times*, 22 March 1972.
40. Rebels without a cause, *The Straits Times*, 20 August 1974.

41. Socialists keep on soldiering, *The Straits Times*, 20 August 1974.
42. The terrible swath of victory, *The Straits Times*, 28 August 1974.
43. Behind the scenes at the annual assembly of Malaya's biggest party, *The Straits Times*, 27 August 1962.
44. Suddenly candidates are not sure. In Kelantan the rakyat keep his secret, *The Straits Times*, 8 May 1964.
45. Ferdinand Marcos, guerilla hero bids for the Philippines.
46. Samad Ismail aboard the USC Ranger: With the Seventh Fleet in a hot spot, *The Straits Times*, 24 December 1964.
47. From Three years in the wilderness, Dr. Mahathir return to a new UMNO, *The Straits Times*, 30 December 1964.
48. In the countryside, the Terrible Swath of Victory, *The Straits Times*, 28 August 1974.

RUJUKAN

- Ali Salim. 1987. A pioneer in Malay Journalism. Dalam *A. Samad Ismail: Journalism & Politics*, Cheah Boon Kheng, ed. Kuala Lumpur: Sigamal Publishing Bureau Sdn. Berhad.
- Arena Wati. 1967. Penetration Tepat Terhadap Dunia Wartawan. *Berita Minggu*, Ahad 4 Jun.
- Asraf (ed) 1961. *Mekar dan Segar*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Baharuddin Zainal, Safiah Hussain, Sarah Sadon A.M. Thani. 1981. *Wajah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng (ed.). 1987. *A. Samad Ismail: Journalism & Politics*. Kuala Lumpur: Sigamal Publishing Bureau Sdn. Berhad.
- Dewan Budaya, Januari 1987.
- Fail SA2 A. Samad Ismail. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hamidah bte Haji Hassan. 1987. A Consummate Actor. Dalam *A. Samad Ismail: Journalism & Politics*, Cheah Boon Kheng, ed. Kuala Lumpur: Sigamal Publishing Bureau Sdn. Berhad.
- Ilias Zaidi. 1976. *Biografi Penulis dan Karya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes.
- Ismail Ahmad. 1957. Patah Sayap: Dari Segi Sejarah Penting, Tapi Teknik Mengolahnya Tidak Pula Sungguh-Sungguh. *Berita Minggu*, Ahad 5 Mac.
- Ibrahim Omar. 1975. Hanyut di Kota dalam Sutinah. Utusan Zaman, Ahad 14 September.
- Li Chuan Siu. 1967. *Iktisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteran Melayu Moden 1945-1965*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mitchener, James. 1951 *The Voice of Asia*. New York: The Random House.
- Syed Husin Ali. 1987. A Genuine Nasionalis. Dalam *A. Samad Ismail: Journalism & Politic*, Cheah Boon Kheng, ed. Kuala Lumpur: Sigamal Publishing Bureau Sdn. Berhad.

Usman Awang. 1987. Leader of Malay literary movement. Dalam *A. Samad Ismail: Journalism & Politics*, Cheah Boon Kheng, ed. Kuala Lumpur: Sigamal Publishing Bureau Sdn. Berhad.

Utusan Melayu 25 Tahun. 1964. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

Institut Bahasa, Kebudayaan & Kesusasteraan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E., Malaysia